

**Lynas Dilarang Beroperasi Jika Ada Bukti Ia Jejaskan Kesihatan - Najib  
mStar Online  
Mac 22, 2012**

**PETALING JAYA:** Kerajaan pasti tidak akan membenarkan projek Lynas beroperasi jika bukti saintifik menunjukkan ianya memudaratkan kesihatan dan mencemar alam sekitar, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan bertolak ansur berhubung isu berkenaan kerana kerajaan amat mengutamakan kesihatan dan keselamatan orang ramai.

"Bagi mereka yang menentang Lynas, kita perlu berdialog. Kita ingin tahu apakahalasan saintifik dan teknikal bagi membantah operasi Lynas.

"Perlu ada bukti kukuh bahawa kesihatan dan keselamatan penduduk sekitar khususnya akan terjejas. Dan jika ada bukti serius, kita pasti tidak akan benarkan Lynas beroperasi," katanya dalam temubual dengan stesen radio 988 FM pada Khamis.

Beliau ditemubual oleh DJ Sam Mak dan Tan Yi Hui dalam program 988 Street VIPselama satu jam.

Najib berkata, dialog seperti itu tidak boleh berdasarkan emosi atau hujah politik kerana ada kemungkinan isu Lynas ini digunakan untuk tujuan politik.

"Apa yang bermula hanya sebagai satu isu alam sekitar telah menjadi isu politik. Ini amat mengecewakan.

"Kita perlu adakan dialog ini dan melibatkan orang ramai sebelum kerajaanmembuat keputusan muktamad. Tapi saya boleh memberi jaminan kepada rakyat bahawa keselamatan mereka tidak sekali-kali akan dipertaruhkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, pembentukan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Lynas bertujuan melihat langkah-langkah yang kerajaan boleh ambil bagi menangani sebarang kebimbangan rakyat.

Ketika ditanya sama ada perakuan-perakuan jawatankuasa itu akan dilaksanakan, beliau berkata : "Kita mahukan bukti saintifik, dan jawatankuasa ini adalah satu daripada kaedahnya. Adalah diharapkan satu penilaian objektif mengenai projek ini dapat dibuat. "Yang pasti ialah terdapat satu tanggungjawab moral yang kuat, namun kitatidak terikat dengannya daripada segi undang-undang, tetapi akan dijadikan asaskukuh untuk kita membaut keputusan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd  
Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/3/22/mstar\\_berita/20120322124329&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/3/22/mstar_berita/20120322124329&sec=mstar_berita)